

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja. **DUA** [2] soalan dari setiap bahagian A dan B.

**BAHAGIAN A:**

1. Trend semasa ialah isirumah dan firma menuntut lebih banyak perkhidmatan dibekalkan dan perkhidmatan ini mestilah berkualiti tinggi dan canggih.

Bincangkan pernyataan ini dengan memberi tumpuan kepada beberapa faktor yang berperanan dalam konteks Malaysia.

[25 markah]

2. Persaingan di peringkat antarabangsa dalam penawaran perkhidmatan telah meningkat beberapa dekad kebelakangan ini.

Huraikan mengapa ini berlaku meskipun terdapat hadangan perdagangan di peringkat antarabangsa.

[25 markah]

3. Perkaitan di antara aktiviti pembuatan dengan perkhidmatan dikatakan amat penting kepada faedah persaingan nasional dalam industri perkhidmatan (dan pembuatan).

Huraikan bentuk-bentuk perkaitan ini dan, dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu, bincangkan bagaimana ia boleh meningkatkan faedah persaingan industri perkhidmatan sesebuah negara.

[25 markah]

4. Bincangkan cabaran-cabaran utama bagi sektor perkhidmatan di Malaysia dengan memberi tumpuan khas kepada perkembangan-perkembangan semasa dalam arena perdagangan antarabangsa dan perkembangan teknologi.

[25 markah]

.../2

**BAHAGIAN B:**

5. Bincangkan sejauhmana perkembangan dalam teknologi maklumat dan komunikasi mempengaruhi lokasi aktiviti perkhidmatan perantaraan.

[25 markah]

6. Dengan memberi contoh-contoh yang sesuai, bincangkan sejauhmana dasar-dasar kerajaan memainkan peranan dalam mempengaruhi perletakan firma perkhidmatan.

[25 markah]

7. Dengan memberi contoh-contoh yang sesuai, bincangkan impak sosial elektronik dagang (e-dagang).

[25 markah]

8. Ekonomi berasaskan pengetahuan adalah berbeza dari ekonomi tradisional. Bincangkan pernyataan ini.

[25 markah]

--oo000oo--